# Tanda Tanda Nak Bersalin

Disertakan oleh Miey Ahmad
Sabtu, 26 April 2008
Terakhir dikemaskini Ahad, 27 April 2008

Tanda-Tanda Nak Bersalin

Ramai bakal ibu yang belum ada pengalaman sakit nak bersalin bertanya pada saya, kak miey sakit nak bersalin tu macam mana? Apa tanda-tandanya?
Biasanya ada 3 tanda utama yang menunjukkan seseorang itu telah hampir masa untuk melahirkan anak, iaitu:
- Lumrahnya, apabila berlaku pengeluaran lendir yang bercampur dengan darah di faraj. Pengeluaran ini menunjukkan bahawa ruang serviks anda telah mula membuka dan menyebabkan cecair lendir bercampur darah tadi keluar.
- Apabila air ketuban mula pecah dalam proses pengecutan rahim yang menyebabkan pemecahan karung bayi. Air ketuban ini berbau hanyir dan tidak bewarna. Tidak seperti air kencing yang bewarna kuning dan berbau hancing. Pastikan pada masa ini anda telah sampai di pusat bersalin yang telah dipilih, jika tidak segera dapatkan bantuan untuk ke hospital.
- Apabila anda mula berasa sakit di bahagian perut dan belakang seumpama sakit tatkala senggugut, tapi yang ini lebih sakit dari senggugut. Sakit ini datang sekali sekala yang biasanya selang sejam, kemudian makin kerap sehingga selang 15 minit dan seterusnya setiap 5 minit dan rasa sakit makin kuat. Setiap kali rasa sakit itu datang, ia akan berlarutan sehingga 15 ke 30 saat.

Jadi, apabila anda mengalami tanda tanda di atas, maka bersiaplah untuk ke hospital dengan segera. Bagaimanapun jangan panik, kerana itu hanya tanda tanda, proses bersalin biasanya akan mengambil masa yang lebih lama lagi. Jika anda ingin bersalin buat kali pertama, biasanya untuk menunggu bukaan serviks dari 3 hingga 10 cm mengambil masa sehingga 8 jam. Ada yang sehingga 10 jam. Pengalaman saya sendiri antara 4 hingga 8 jam.

Ok rakan rakan sekalian, harap info di atas dapat membantu persiapan minda untuk tindakan anda nanti;-)